

MASALAH SPIRITUAL REMAJA BERISIKO DARI SUDUT PANDANG PSIKOSPIRITUAL ISLAM

**Mohd Manawi Mohd Akib ^{1*}, Nurul Shuhadah Md Yahya ², Hamdi Ishak ³,
Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi ⁴, Che Zarrina Sa'ari ⁵,
Sharifah Basirah Syed Muhsin ⁶, & Mohd Sobri Ellias ⁷**
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia ^{1,2,3,4}
Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya ^{5,6}
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia ⁷
manawi@ukm.edu.my*

ABSTRACT

Youth is a valuable asset for the advancement and sustainability of a society, community, and country. However, a few teenagers do this. Violation of rules, regulations, or societal norms begins with guilt, such as skipping school, smoking, bullying, and so on, and eventually leads to harm to the community and the environment. This group is known as at-risk youths, and if not addressed, it will become a habit, leading to more serious crimes such as robbery, drug misuse, free sex, pornography, and so on. This occurs as a result of a variety of variables influencing youngsters until they become entangled with outside elements who colonize their thoughts and actions. Spiritual, often known as the soul, influences a person's ideas and actions. Solid spirituality with knowledge and ethical deeds can be a strong fortress that keeps a teenager from becoming entangled in negative things and can even urge him to behave positively. In turn, negative actions and behaviors are triggered in teenagers who are at risk due to spiritual issues. As a result, this article will identify the spiritual concerns of at-risk teens from an Islamic psychospiritual perspective. This study employs qualitative methodologies in the form of a literature review or a review of prior studies' literature. According to the study's findings, there are various spiritual difficulties of teenagers at risk, such as al-halu' (complaining), hubbu al-dunya (love of the world), envy, and so on, from an Islamic psychospiritual perspective.

Keywords: *spiritual, psychospiritual problems, youth at risk.*

ABSTRAK

Golongan remaja merupakan aset penting bagi kemajuan dan kelestarian sesebuah masyarakat dan negara. Namun terdapat segelintir remaja yang melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang, peraturan atau norma masyarakat bermula daripada kesalahan ringan seperti ponteng sekolah, merokok, buli dan sebagainya yang akhirnya mendatangkan kemudaratan kepada komuniti dan persekitaran. Golongan ini disebut sebagai remaja berisiko dan sekiranya tidak dibendung, perkara ini akan menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya akan mencetuskan jenayah yang lebih berat seperti merompak, penyalahgunaan dadah, seks bebas, pornografi dan sebagainya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi remaja sehingga mereka terjebak dengan anasir luar yang akhirnya menjajah pemikiran dan tindakan mereka. Pemikiran dan tindakan seseorang dipengaruhi oleh spiritualnya yang disebut juga sebagai jiwa. Spiritual yang solid dengan ilmu pengetahuan dan amal soleh mampu menjadi benteng kuat dan menghalang seseorang remaja daripada terjebak dengan perkara yang tidak baik bahkan dapat mendorongnya melahirkan tingkah laku yang positif. Begitu juga

sebaliknya, tindakan dan perlakuan yang bermasalah terdapat di kalangan remaja berisiko adalah kerana spiritualnya yang bermasalah. Justeru itu, artikel ini akan mengenalpasti masalah spiritual remaja berisiko dari perspektif psikospiritual Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian terhadap tinjauan literatur atau kajian kepustakaan terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati bahawa dari sudut pandang psikospiritual Islam, terdapat beberapa masalah spiritual remaja berisiko seperti al-halu' (keluh kesah), hubbu al-dunya (cinta dunia), hasad dan sebagainya.

Kata Kunci: *masalah spiritual, psikospiritual, remaja berisiko*

PENDAHULUAN

Terdapat dua elemen utama dalam diri manusia iaitu fizikal dan spiritual. Keseimbangan kedua-dua elemen amat berperanan dalam mencapai kesejahteraan hidup seseorang dunia dan akhirat. Namun, serangan pemikiran barat hari ini yang meletakkan dasar kejayaan dalam kehidupan berpaksikan kejayaan berbentuk material semata-mata telah menyebabkan sebahagian remaja mengabaikan aspek penting dalam kehidupan manusia iaitu spiritual. Akibatnya, aspek spiritual remaja akan diabaikan dan semakin jauh dari panduan syariat Islam seterusnya menyebabkannya lemah dan mudah terpengaruh dengan norma negatif dan bertindak dengan tingkah laku yang berisiko.

Terdapat dua tahap tingkah laku remaja berisiko di mana ia bermula dengan kesalahan ringan seperti melanggar peraturan sekolah, ponteng sekolah, menghisap rokok, buli, gengsterisme dan akhirnya melibatkan kesalahan berat seperti penyalahgunaan dadah, menghidu gam, melakukan seks bebas, menonton video atau filem lucah, mengunjung pusat hiburan/ kelab malam, merosakkan harta benda (vandalisme), lumba haram atau samseng jalanan, berjudi, mencuri, pecah rumah, meragut, memeras ugut, mengancam, memukul dan mencabul kehormatan (Noor Amila et al. 2017; Intan & Nabilah 2018; Diyana & Berhanundin 2018). Jika melihat kepada perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2018, sebanyak 550 kes dadah yang melibatkan remaja berusia antara 13 hingga 18 tahun. Laporan ini menunjukkan penglibatan remaja yang masih bersekolah semakin meningkat dan mereka berpotensi menjadi penagih tegar pada masa akan datang. Peningkatan kes gejala sosial ini merupakan manifestasi daripada masalah spiritual remaja kini.

Pada hari ini, bidang Psikospiritual Islam sedang mengalami perkembangan yang pesat dan telah menarik ramai sarjana dalam bidang agama dan sains sosial untuk memperluaskan lagi khazanah keilmuan psikospiritual. Walaupun begitu, terdapat perbezaan yang ketara antara perspektif Islam dan Barat dalam perbincangan spiritual. Menurut barat, konsep spiritual yang dibawa ialah "*spiritual but not religious*" yang hanya berdasarkan pendekatan humanis dan sekular tetapi tidak meletakkan agama sebagai paksi utama. Salah seorang sarjana barat iaitu Davic (2003) menjelaskan bahawa pengertian spiritual pada dasarnya di luar konsep agama dan dihubungkan kepada tingkah laku yang disebut sebagai faktor keperibadian. Selain itu, ia juga merujuk kepada maksud nilai atau falsafah kehidupan seseorang (Kellehear, 2000).

Berbeza dengan konsep spiritual menurut Islam di mana ia saling berkait dengan keagamaan dan semua perbincangannya akan kembali kepada konsep akidah yang bertuhankan Allah yang Maha Esa. Menurut Bensaid et al (2014), kecerdasan spiritual terhasil daripada

manifestasi iman yang mendalam dan kepercayaan kepada keesaan Allah SWT yang akhirnya melahirkan pemikiran, emosi dan tindakan yang positif. Dalam bidang psikospiritual Islam, terdapat perbincangan psikoterapi Islam yang menyentuh tentang proses merawat kecelaruan jiwa (nafs, ruh dan qalb), mental ('*aqil*) dan emosi ('*atiff*) serta perilaku moral (akhlak) yang berteraskan sumber dan amalan dalam Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah serta amalan para salafus saleh demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Norhashimah et al. 2021). Menurutnya lagi, psikospiritual Islam ini menjadi satu disiplin ilmu baharu yang terhasil kesan perkembangan (islamisasi) keilmuan yang bertunjangkan kepada bidang tasawuf atau kerohanian dalam agama. Mutakhir ini, perbincangan psikospiritual Islam mula diterima ramai kerana perbincangannya yang menghubungkan aspek fizikal, spiritual, emosi, mental sekaligus aspek jiwa dan rohani yang menjadi penawar secara natural terhadap kemelut spiritual remaja berisiko kini.

Penekanan aspek spiritual atau jiwa ini sememangnya telah ditekankan oleh Rasulullah SAW telah dalam sebuah hadis Baginda SAW; daripada Nu'man bin Basyir berkata aku mendengar Nabi SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ
الْقَلْبُ

Maksudnya: *"Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)."*

Riwayat al-Bukhari (52) dan Muslim (1599)

Hadis tersebut menggambarkan betapa pentingnya penjagaan spiritual dalam kehidupan seseorang kerana ia merupakan tunjang kekuatan dalam diri individu yang menghubungkan seorang muslim kepada Allah SWT. Seseorang yang mempunyai kekuatan spiritual yang tinggi mampu mengawal emosi dan diri mereka daripada terjebak dengan anasir negatif dan menjaga diri mereka daripada melakukan kemungkaran (Najwa 2022). Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian Norazwa (2013) terhadap pengaruh kecerdasan emosi dan spiritual ke atas salah laku remaja sekolah yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan spiritual dengan salah laku remaja.

Pengertian Remaja Berisiko

Remaja merupakan golongan yang berada pada fasa peralihan dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun di mana dalam fasa ini berlaku perubahan dalam diri remaja menuju kematangan (Najwa et al 2019). Manakala remaja berisiko atau kenakalan remaja (juvenile delinquency) pula merujuk kepada mereka yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku yang negatif serta terlibat dengan pelbagai jenis perbuatan yang melanggar norma, peraturan dan nilai dalam masyarakat yang dilakukan ketika usia remaja atau ketika transisi zaman kanak-kanak dan dewasa (Burhan 2012; Azyyati, Fazira dan Salasiah 2013). Mereka juga dikatakan tidak berupaya untuk menyesuaikan diri atau menerima perubahan dari aspek psikologi, biologi dan sosial ketika berada pada fasa peralihan dan kesan daripada tekanan yang dialami tersebut telah menyebabkan ketegangan emosi, menunjukkan sifat yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal serta terlibat dengan masalah sosial (Fazira & Azyyati 2015).

Remaja berisiko juga dikatakan sebagai mereka yang bertingkah laku delinkuen bagi mereka yang masih bersekolah atau bawah umur, dan tingkah laku devian atau jenayah bagi golongan yang telah tamat sekolah dan golongan belia. Tingkah laku delinkuen ini bermula dengan kesalahan ringan seperti melanggar peraturan sekolah, ponteng, menghisap rokok, buli, gengsterisme dan berakhir dengan kesalahan berat seperti penagihan dadah, pornografi, seks bebas, pembuangan bayi, membunuh dan sebagainya (Intan & Nabilah, 2018). Di antara ciri-ciri psikologi belia yang delinkuen adalah rendah penerimaan sendiri, kuasa autonomi pasif, bertindak agresif, rendah penghargaan sendiri dan kemesraan bersama rakan. Selain itu, kecerdasan emosi dan pegangan agama mereka adalah lemah dan ia menjadi faktor dalaman yang mendorong mereka untuk berkelakuan sedemikian di samping faktor luaran yang turut menjadi penggalak kepada remaja tersebut untuk terjebak dengan fenomena delinkuen (Nuri et al 2016).

Selain itu, antara punca tindakan negatif remaja berisiko ialah kerana mental-kognitif Islam remaja berisiko adalah rendah. Selagi arus mental-kognitif Islam mereka tidak ditingkatkan, aktiviti jenayah akan terus berlaku dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, rendahnya arus mental-kognitif remaja Islam membawa makna yang signifikan tentang pemahaman Islam yang syumul dalam kalangan remaja yang sangat kritikal. Ini membuktikan bahawa pegangan agama merupakan aspek penting yang mempengaruhi atau memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku manusia terutama kalangan remaja (Khairil, Khaidzir & Wahyuni 2018).

Begitu juga dengan dapatan kajian Fauziah et al (2012) yang menunjukkan bahawa majoriti remaja bermasalah akhlak menunjukkan tahap pengetahuan keagamaan yang rendah. Tahap pengetahuan agama yang rendah dalam kalangan remaja ini memberi gambaran mereka masih belum mampu untuk membantu melindungi diri mereka dari terjebak dengan gejala negatif yang merosakkan kesejahteraan hidup. Hasil kajian tersebut menggambarkan semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan gejala sosial. Hal ini menjelaskan pengetahuan agama yang tinggi mampu membentuk spiritual yang murni dalam kalangan remaja.

Ini menjelaskan bahawa kebanyakan tindakan berisiko yang dilakukan oleh remaja adalah disebabkan faktor spiritual dan dalaman mereka yang tidak kukuh dengan ilmu keagamaan di samping faktor lain yang menyumbang dalam pembentukan tingkah laku seseorang. Penyakit spiritual tidak boleh dirawat melalui ubat-ubatan klinikal, kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dirawat melalui bimbingan kerohanian. Justeru, pendekatan kerohanian yang dianjurkan oleh Islam dilihat amat sesuai untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang asal melalui saranan yang dianjurkan khususnya dalam disiplin ilmu psikospiritual Islam.

Faktor Berlaku Gejala Remaja Berisiko

Kecenderungan keterlibatan remaja dalam masalah sosial tidak dipengaruhi oleh satu-satu faktor sahaja, sebaliknya melalui gabungan beberapa faktor lain. Faktor-faktor tersebut boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.

Di antara faktor dalaman yang sering mempengaruhi adalah faktor kelemahan keimanan atau kurang penghayatan keagamaan, faktor diri sendiri dan faktor tekanan emosi. Bagi faktor keimanan, agama Islam diturunkan sebagai panduan kepada manusia agar segala

tindakan manusia berlandaskan syariat dan membimbing manusia ke arah kehidupan yang baik yang memahami perkara yang hak dan batil. Pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap pendidikan agama amat penting kerana ia merupakan benteng yang kuat dalam menghadapi ancaman dalam bentuk pengaruh luaran dan pemikiran yang menyebabkan remaja mudah terjebak gejala sosial (Ismail, Syed & Hassan, 2011). Sebaliknya, kekurangan amalan kerohanian dan kelompongan dalam ibadah seperti solat lima waktu juga menyumbang kepada penglibatan remaja dalam tingkah laku berisiko (Zainuddin dan Norazmah, 2011).

Bagi faktor diri sendiri pula, ia merujuk kepada sikap remaja yang suka mencuba sesuatu yang baharu dan inginkan kebebasan. Pelbagai peristiwa ganjil yang menghujani fizikal dan mental ketika melalui zaman transisi telah menyebabkan mereka tertarik untuk mencuba sesuatu yang baru tersebut disebabkan perasaan ingin tahu yang tinggi dalam diri remaja tersebut (Abshaatiah dan Mohd Isa (2019). Sifat remaja yang inginkan kebebasan dan tidak suka dikongkong turut mendorong mereka untuk bebas dalam membuat keputusan sehingga tanpa disedari mereka telah terdedah dengan perilaku berisiko (Jacob 1974).

Begitu juga dengan faktor emosi yang merujuk kepada keadaan remaja yang mengalami pelbagai emosi seperti cepat marah, takut, cemburu, kecewa, sedih, emosional dan sebagainya. Ini kerana golongan remaja sedang mengalami perkembangan emosi yang menyebabkan ketidakstabilan emosi yang akan memberi kesan perbuatan yang di luar kawalan jika tidak dikawal (Suzana, 2002). Tekanan emosi juga berpunca daripada remaja yang terdiri daripada latar belakang status sosioekonomi (SES) rendah yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ahli keluarga, ibu bapa, sekolah, ahli masyarakat dan agama yang menjadi asas utama dalam perubahan tingkah laku dan cara berfikir seseorang (Azyyati et al. 2013).

Manakala, faktor luaran yang menjadi pendorong berlakunya remaja berisiko adalah rakan sebaya, media massa, pengaruh ibu bapa dan persekitaran. Pengaruh rakan sebaya dilihat sangat kuat pertaliannya dengan remaja kerana ia mampu mempengaruhi sikap, minda dan akhlak seseorang (Noor Amila 2018). Ini kerana remaja menganggap rakan sebaya merupakan orang yang lebih dekat dengan kehidupannya kerana persamaan dari sudut usia dan minat yang memudahkan mereka untuk saling bergaul antara satu sama lain (Jumatawon et al. 2018). Remaja juga lebih cenderung untuk mengambil risiko secara berkumpulan berbanding bersendirian dan rakan sebaya juga menjadi pilihan utama sebagai tempat untuk meluahkan segala masalah berbanding keluarga sendiri (Alice & Yim-wah, 2013). Mereka tidak tahu untuk mengatakan 'tidak' kepada rakan sehingga sanggup untuk mengikuti setiap perilaku yang diajak oleh rakan disebabkan perasaan takut apabila pendapat mereka bercanggah ia akan membawa kepada pergaduhan (Hasimah, Amirah & Mardzelah, 2022).

Media sosial yang mewujudkan dunia tanpa sempadan atau maklumat di hujung jari amat mempengaruhi remaja kerana mereka dapat mencari identiti diri dengan mudah dan sifat mereka yang mudah meniru dan mencontohi apa yang dilihat (Galih & Nurliana, 2020). Penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar secara bebas atau tanpa kawalan telah memberi kesan negatif terhadap keruntuhan akhlak yang dapat dilihat melalui perkataan dan perbuatan seperti penggunaan kata kesat, keganasan dan pornografik, hubungan silaturahim semakin renggang dan ikutan fesyen yang menjolok mata (Izzah et al 2021). Media massa mudah dipengaruhi disebabkan oleh kemudahan yang disalurkan melalui internet, telefon

bimbit, televisyen, majalah, buku dan media sosial seperti facebook, Instagram dan kemudahan yang sedia ada yang secara tidak langsung telah memaparkan agenda dan unsur-unsur negatif seperti tidak memelihara batas aurat antara jantina, pergaulan antara lelaki dan perempuan dan sebagainya yang boleh menyumbang kepada masalah pergaulan bebas, gejala seks bebas, hamil luar nikah dan sebagainya (Nurzatil et al, 2022).

Justeru itu, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah anak-anak. Ini kerana sikap, personaliti, tutur kata dan akhlak seseorang juga dipengaruhi oleh keluarganya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Syah, Hamdi, Najah (2017) terhadap hubungan antara amalan ibu bapa dengan tingkah laku remaja mendapati ketiga-tiga dimensi tingkah laku ibu bapa, ilmu, keperibadian serta kemahiran keibubapaan adalah berhubung secara positif dengan tingkah laku remaja. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan tingkah laku remaja amat dipengaruhi oleh tingkah laku ibu bapa. Ibu bapa yang sentiasa sibuk bekerja, jarang berada di rumah dan sering bertengkar akan menyebabkan anak-anak bosan untuk berada di rumah dan kebarangkalian untuk mereka terjebak dengan masalah sosial boleh wujud kerana kurang pengawasan daripada ibu bapa (Zainudin dan Norazmah 2011). Bukan itu sahaja, hubungan interaksi yang lemah antara ibu bapa dan anak-anak akan menyebabkan mereka mencari alternatif bagi mendapatkan kasih sayang dan perhatian dengan cara yang negatif di luar rumah. Begitu juga kegagalan ibu bapa memantau kegiatan anak-anak akhirnya akan memberi kesan kepada mereka untuk bebas melakukan apa sahaja tindakan yang menyimpang dan boleh bertindak di luar garis batas syariat (Syazwana et al 2019).

Di samping itu, persekitaran juga merupakan salah satu tempat yang memberi pengaruh kedua terbesar selepas rumah kerana remaja lebih banyak menghabiskan masa di sekolah. Antara permasalahan persekitaran sekolah yang telah menyebabkan remaja terlibat dengan masalah sosial adalah disebabkan oleh sikap guru yang selalu memberi perhatian kepada sesetengah pelajar yang lebih cerdas, suasana pembelajaran yang membosankan, ketegasan guru disiplin ketika mengenakan tindakan disiplin, dan perasan bosan remaja ketika berada di sekolah kerana peraturan ketat (Zainudin dan Norazmah, 2011). Faktor-faktor ini telah menjadi punca remaja hilang tumpuan untuk belajar di samping menyebabkan mereka memberontak apabila berada di sekolah. Perkara ini telah menyebabkan masalah sosial meningkat dalam kalangan remaja.

PSIKOSPIRITUAL ISLAM

Psikospiritual Islam merupakan disiplin ilmu yang membahaskan tentang spiritual dan kaedah rawatan kejiwaan atau disebut juga sebagai Psikoterapi Islam yang berteraskan al-Quran, Hadith dan amalan salafus soleh yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Psikoterapi Islam dilihat mampu memberi penyembuhan kepada konflik kejiwaan, emosi dan pemikiran manusia seterusnya memberikan kesan positif kepada tingkah laku seseorang. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan kaedah Psikoterapi Islam dalam menyelesaikan masalah remaja berisiko dan hasilnya adalah positif dalam membantu mereka dalam memperbaiki tingkah laku.

Psikospiritual merupakan gabungan dari gagasan ilmu psikologi dan spiritual. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), psiko merujuk kepada perkataan psikologi yang bermaksud disiplin ilmu tentang proses mental dan pemikiran yang berhubung dengan tingkah laku manusia. Ia merupakan ilmu pengetahuan yang membincangkan masalah-masalah yang

dihadapi manusia dalam kehidupan seharian serta kaedah rawatan terhadap masalah tersebut. Spiritual pula merupakan jiwa yang bersifat rohani (Dewan Bahasa & Pustaka 2015). Ia berperanan dalam mengurus dan mempengaruhi perkembangan emosi, mental dan perilaku seseorang (Zahid 2019).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Suriani, Fazira & Phayilah (2018), permasalahan sosial yang menggambarkan krisis moral umat Islam pada hari ini berpunca daripada masalah spiritual. Pembentukan spiritual yang berasaskan elemen iman, takwa dan kesedaran akan balasan pada hari akhirat mampu menahan seseorang dari melakukan perbuatan keji, mungkar dan maksiat serta mendorong untuk melakukan kebaikan dan perbuatan terpuji yang boleh melahirkan individu yang soleh dan berperibadi mulia. Begitu juga dengan pandangan al-Zahani, di mana beliau menjelaskan rawatan dan latihan berasaskan psikospiritual Islam amat berkesan kerana ia mampu memperkuatkan hati, meneguhkan aspek spiritual dan kerohanian serta mampu mengembalikan pemantapan jiwa seseorang individu (Norhashimah et al, 2021).

Sebagai seorang hamba, terapi jiwa yang berasaskan manual yang ditetapkan oleh Allah SWT menjadi satu wasilah kepada pengukuhan jiwa dan roh daripada terjebak ke kancang kemaksiatan. (Najmee et al. 2019). Antara contoh kaedah psikospiritual Islam adalah proses *tazkiyyah al-nafs* yang merupakan satu usaha membersihkan jiwa dari kekotoran sifat keji dan menghiasinya dengan sifat murni. *Tazkiyyah al-nafs* melibatkan dua proses iaitu *mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs* yang memerlukan usaha yang gigih serta semangat yang kuat bagi mendapat kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat disamping dapat menyelesaikan kemelut jiwa manusia (Salasiah, 2010). Zarina dan Basirah (2012) dalam kajiannya juga telah mencadangkan psikoterapi Islam berlandaskan konsep *tazkiyyah al-nafs* dengan gabungan konsep maqamat iaitu *tawbah* (taubat), *sabr* (sabar), *raja'* (pengharapan) dan *khauf* (takut). Manakala Rushdan dan Bukhri (2015) juga telah mencadangkan konsep terapi psikospiritual Islam melalui aplikasi taubat terpimpin, penyucian jiwa dan nafsu, penyerahan diri kepada tuhan, mengenal hakikat diri dan erti kehidupan serta beramal dengan nilai-nilai murni. Sementara itu, Semua kaedah psikoterapi yang diaplikasikan dalam kajian yang dijalankan dilihat memberi kesan yang positif ke atas pembentukan diri seseorang insan.

Pandangan Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko

Tuntutan keperluan fizikal manusia biasanya dapat dipenuhi berbanding keperluan spiritual yang kurang diberi perhatian, sedangkan penyuburan dan keperluan spiritual merupakan faktor dominan dalam melonjakkan keutuhan jati diri individu agar tidak digugat dengan dorongan negatif. Dari perspektif psikologi, masalah remaja berisiko yang berleluasa kini berpunca daripada kehendak dalaman (spiritual) yang tidak baik yang mengarah kepada perbuatan dan tingkah laku yang negatif (Syukri et al, 2020).

Secara umumnya, definisi spiritual ialah merangkumi semua aspek kehidupan sama ada keimanan, hubungan sesama manusia, manusia dengan alam, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan asas kehidupan yang mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan jiwa dan hati (Malik, 2018). Menurut Sharifah et al (2022), hati manusia selalu dipengaruhi oleh faktor kebaikan dan kemaksiatan. Disebabkan itu, hati dan jiwa yang tidak tenteram akan lebih mudah diserap dengan unsur-unsur negatif seperti tingkah laku berisiko seperti melanggar undang-undang atau melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan sebagainya (Nazneen & NoorIkhwani, 2015). Masalah kejiwaan yang berlaku dalam diri seseorang dapat dikesan melalui rasa sedih, pilu, muram, cemas, gelisah dan jiwa

tidak tenteram serta merasa dirinya tidak mampu untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi (Hanafi 1998).

Menurut Zarrina (2001) dan Basirah (2017) dalam kajiannya menyatakan penyakit rohani merujuk kepada terma *al-halu'*. Secara umumnya, *al-halu'* merupakan perasaan keluh kesah atau kebimbangan yang muncul apabila berlaku situasi atau keadaan yang tidak menyenangkan hati contohnya kedekut apabila mendapat nikmat atau ganjaran dan keluh kesah apabila ditimpa ujian. Di dalam al-Quran, *al-halu'* disebut sebagai seseorang yang tidak bersyukur dan tidak berpuas hati dengan kurnian terhadap dirinya. Seterusnya dalam kajian lain Basirah et al (2022) beliau menyamakan penyakit *al-halu'* sebagai keresahan spiritual yang berpunca daripada sifat dan keadaan hati yang mengikut hawa nafsu dan tidak tenang yang selalu tidak berpuas hati dengan keadaan diri, berfikiran negatif, lompong dalam melaksanakan ibadah zahir serta menzahirkan perilaku yang negatif.

Tambahan lagi, tanda-tanda atau simptom keresahan spiritual boleh dilihat melalui gangguan pada emosi seseorang (Basirah et al 2022). Simptom tersebut boleh dikesan pada seseorang yang mengalami keresahan atau kebimbangan dan tekanan perasaan sehingga menyebabkan cepat marah dalam apa jua keadaan dan situasi, kerap menangis dan sentiasa bersedih, ketakutan dan kerisauan yang melampau. Mereka yang berada pada situasi ini akan menimbulkan persoalan berkenaan erti penderitaan dan masalah yang dihadapi, hilang kawalan terhadap diri sendiri, menunjukkan ketakutan dan tidak dapat menerima apa yang menimpa dirinya. Keadaan ini akan mendorong segala aktiviti harian mereka dengan emosi dan perasaan yang negatif.

Menurut Al-Zarrad (1997) beliau berpendapat penyakit spiritual juga merujuk kepada kelemahan iman, kehidupan yang jauh dari agama, lemah ukuran nilai akhlak dan agama, tidak melaksanakan dan melakukan amal ibadah, lemah dalam kawalan hawa nafsu, menyekutukan Allah, melakukan kemaksiatan, berfikiran bebas yang tidak mempercayai keesaan Allah, tidak dapat membezakan nilai kebaikan dan keburukan seperti hak dan batil, halal dan haram (Azyyati, Fazira & Salasiah, 2013). Perkara tersebut menyebabkan munculnya sifat kebimbangan dalam diri dan menyebabkan jiwa manusia sakit. Hal ini telah menyebabkan manusia sukar untuk dibentuk dan dididik sama ada dari aspek sosial dan pemikiran yang akhirnya telah menyebabkan munculnya tingkah laku yang menyimpang dan menyeleweng.

Manakala, menurut Izzuddin (1994) dalam bukunya "Hati: kedudukan, keadaan, penyakit dan pengobatannya" berpendapat bahawa terdapat banyak penyakit hati antaranya jahil, kufur, takut akan celaan dan hinaan, mengikut hawa nafsu, riya', panjang angan-angan, sombong, bangga diri, hasad dengki, kianat, buruk sangka terhadap Allah SWT, boros dan suka membazir, cinta akan harta benda, malas dan menganggur, keluh kesah, kufur nikmat, bergantung selain daripada Allah SWT, membenci ulama dan orang saleh, putus asa daripada rahmah Allah, lancang terhadap Allah SWT dan merasa selamat dari azabNya, sombong terhadap kebenaran, kemunafikan dan berterusan dalam melakukan kemaksiatan (Abd Jalaudin 2018). Masalah-masalah spiritual yang disebutkan di atas telah merangkumi masalah spiritual remaja berisiko dan ia memerlukan kaedah perawatan yang bersifat spiritual.

Dalam pada itu, David Benner, tokoh sarjana Barat telah mengetengahkan model psikospiritual yang menjurus kepada roh manusia dengan tidak mengasingkan aspek psikologi (akal) dan spiritual (roh dan nafsu) sebagai unsur dalaman yang membentuk personaliti

seorang manusia (Intan & Nabilah 2018). Oleh yang demikian, psikospiritual Islam merupakan tapak asas bagi kaedah rawatan psikoterapi Islam dalam memulihkan dan merawat spiritual seorang Muslim. Kaedah yang berasaskan kepada pendekatan *tazkiyyah al-nafs* seperti yang disarankan oleh al-Ghazali merangkumi dua proses iaitu *takhalli* (membuang segala sifat keji yang bertapak dalam hati) dan *tahalli* (mengisi hati dengan sifat terpuji) disamping melakukan amal kebaikan.

Pemulihan jiwa dan spiritual ini bukan sahaja akan menyembuhkan seseorang dari aspek spiritual malah mampu merawat penyakit kritikal bagi membantu mengurangkan kesakitan dan membawa ke arah kehidupan yang lebih baik (Hasimah et al. 2017). Kesejahteraan spiritual mampu meningkatkan lagi kualiti hidup seseorang bahkan dapat mengurangkan kesan daripada keresahan spiritual yang dihadapi oleh seseorang yang dapat dilihat kesannya melalui kehidupan manusia yang lebih terarah kepada Allah SWT dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan segala laranganNya. Konsep kesihatan jiwa yang baik serta pencapaian kebahagiaan yang ditumpukan dalam bidang ilmu ini menyebabkan wujudnya hubungan yang erat dengan ilmu kerohanian Islam sebagai disiplin ilmu tasawuf (Shahidah et al. 2021).

Justeru, dari sudut Psikospiritual Islam di antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya masalah remaja berisiko ialah faktor dalaman iaitu kelemahan dari sudut keimanan sehingga menyebabkan jiwanya diselubungi oleh sifat mazmumah dan cenderung melakukan perkara yang bercanggah dengan nilai-nilai positif. Maka, langkah mengatasinya adalah melalui kaedah psikoterapi Islam yang menekankan rawatan dari aspek spiritual.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, masalah spiritual remaja berisiko merupakan faktor terbesar yang mendorong kepada berlakunya masalah sosial hari ini. Rata-rata pengkaji terdahulu telah membincangkan bahawa masalah spiritual memberi kesan kepada tingkah laku manusia. Psikospiritual Islam dilihat sebagai satu kaedah rawatan yang berkesan dalam menyelesaikan segala permasalahan dalam kehidupan manusia termasuk permasalahan jiwa dan spiritual. Implementasi kaedah psikospiritual Islam yang mencadangkan proses *Tazkiyyah al-Nafs* mampu mendidik jiwa seorang individu agar sentiasa bermujahadah membersihkan jiwa daripada sifat keji kepada sifat baik agar dapat melahirkan peribadi yang luhur yang diterjemahkan melalui tingkah laku yang baik. Kaedah ini mempunyai kekuatan spiritual yang dapat meningkatkan perasaan kesungguhan dan keyakinan serta kepercayaan kepada diri untuk kembali kepada jalan yang benar daripada terjebak dengan perilaku berisiko. Justeru itu, dengan pengaplikasian kaedah psikospiritual Islam ia mampu menghasilkan ketenangan rohani dalam jiwa serta mampu memberikan kesejahteraan fizikal yang boleh melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.

PENGHARGAAN

Makalah ini menggunakan dana di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2022/SS10/UKM/02/10) daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia. Pengkaji merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung atau tidak langsung kepada penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abd Jalaluddin. 2018. Ketenangan Jiwa Menurut Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī Dalam Tafsīr Mafātih Al-Ghayb. Al-Bayan: *Jurnal Studi Al-Quran dan Tafsir*, 3(1): 36-50.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. 2019. Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1): 1-17.
- Ahmad Izzuddin al-Bayanuniy. 1994. Hati: kedudukan, keadaan, penyakit dan pengobatannya. Perpustakaan Tun Sri Lanang. Universiti Kebngsaan Malaysia.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1994. *Majmu'ah Rasa'ilal-Imam al-Ghazali*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Alice Yuen Loke & Yim-Wah Mak. 2013. Family Process and Peer Influences on Substance Use by Adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 10: 3868-3885.
- Allan Kellehear. 2000. Spirituality and Palliative Care: A Model Of Needs. *Palliat Med*,14(2):149-55.
- Azyyati Mohd Nazim, Fazira Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islāmiyyat*, 35(1): 111-119.
- Azyyati Mohd Nazim. 2017. Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15 (1): 1-18.
- Benaouda Bensaid, Salah ben Tahar Machouche and Fadila Grine. 2014. A Qur'anic Framework for Spiritual Intelligence. *Religions Islamic Journal*, 5: 179-198.
- Burhan Sodiq. 2012. *Jom! Jadi Remaja Soleh*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin. 2012. Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*, 36: 49-74.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. *SQ-Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. New York: Bloomsbury.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Emie Sylviana Binti Mohd Zahid. 2019. Pembangunan Spiritual: Konsep Dan Pendekatan Dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2: 64-87.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities*. 7(1): 84-93.
- Fazira Md Sham & Azyyati Mohd Nazim. 2015. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari*, 7 (2): 63-73.
- Galih Haidar & Nurliana Cipta Apsari. 2020. *Pornografi Pada Kalangan Remaja*. Prosiding Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat, April 2020.
- Hanafi Mohamed. 1998. *Penyakit Rohani Dan Rawatannya Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Hasimah Chik, Che Zarrina Sa'ari & Loh Ee Chin. 2017. Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif. *Jurnal Afkar*, 19(2): 107-142.

- Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad dan Dzuhailmi Dahalan. 2009. *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Sina. 2009. *Ahwal an-Nafs: Risālah fī Nafs wa Baqa'ihā wa Ma'adihā*. Psikologi Ibn Sina. (terj.). Bandung: Pustaka Hidayah.
- Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. 2018. *Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja*. Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding), 7 – 8 November 2018. Johor Bahru, Johor, Malaysia.
- Jacob, T. 1974. Patterns Of Family Conflict and Dominance As A Function Of Child Age And Social Class. *Journal Of Developmental Psychology*, 10(1), 1–12.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Remaja*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Khairil Anwar, Khaidzir Hj. Ismail & Sri Wahyuni. 2018. Indeks Mental-Kognitif Islam Remaja Berisiko: Satu Kajian Pendekatan Psikoreligio Keluarga Islam di Malaysia. *TAZKIYA Journal of Psychology*, 6 (1): 19-32.
- Mohd Noorikhwan Sarbini. 2013. *Terapi jiwa menurut Imam Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari. Latihan ilmiah Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah*. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Nuri Mustafa. 2016. Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (2): 10-34.
- Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman. 2015. *Bab 11 Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community)*. Proceeding Prevent 2015 (International Drug Prevention and Rehabilitation Conference), 12 Januari 2018. Acreda, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Yusuf Ismail, Syed Najihuddin Syed Hassan. 2011. Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati. *Jurnal Hadis*, 2 (2): 31-46.
- Najwa Ahmad Basir. 2022. *Amalan spiritual dan perubahan emosi wanita hamil luar nikah di Pusat Perlindungan Baitus Solehah Johor*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazneen Ismail & Mohd Noorikhwan Sarbini. 2015. Peranan Uzlah Dalam Merawat Penyakit Rohani Muslim. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2 (1): 30-43.
- Noor Amila Binti Abdul Halim. 2018. *Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Butterworth Pulau Pinang*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Shakirah Mat Akhir. 2008. *Al Ghazali and his Theory of The Soul*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin. 2022. Faktor Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Educations, Psychology and Counselling*, 7 (46): 674-685.
- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin. 2022. Faktor Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Educations, Psychology and Counselling*, 7 (46): 674-685.

- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual. *Jurnal Akademika*, 88 (2): 81-94.
- Norazwa Yeop Kamaruddin. 2013. Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual ke Atas Salah Laku Remaja Sekolah. Tesis Master. Universiti Teknologi Malaysia
- Norhashimah Yahya, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Mohd Sani Ismail, Aman Daima Md. Zain, Muhammad Hafizi Rozali6 & Akila Mamat. 2021. Elemen Kesufian Menurut Al Muhasibi Dan Hubungannya Dengan Psikospiritual Dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemi Covid 19. *Global Journal of Educational Research & Management (Germane)*, 1 (3): 186-192.
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan, Mohd Razimi Husin. 2019. Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2 (1): 38-50.
- Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa @ Busu & Zurkarnain Yusoff. 2021. *Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal*. Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021).
- Nurzatil Ismah binti Azizan, Mariam Abd Majid, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Aisyah Humairak Abdul Rahman. 2022. Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan. *E-journal Penyelidikan dan Inovasi*, 9 (2):59-74.
- Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail & Zanariah Dimon. 2020. Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian Di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (Mais). *Jurnal Pengajian Islam*, 10 (1): 57-77.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2010. Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazali Dan Hubungannya Dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Jurnal Islamiyyat*, 32: 41-61.
- Sharifah Basirah Syed Mohsin, Che Zarrina binti Sa'ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin. 2022. Muḥāsabah Al-Nafs (Self-Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress). *Jurnal Usuluddin*, 50 (1): 43-72.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin. 2017. *Kepulihan Al-Halu' Berasaskan Maqamat Abu Talib Al-Makki (W.386h)*. Tesis Doktor Falsafah (Phd): Universiti Malaya
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. 2018. Pembentukan Spiritual menurut Islam sebagai Solusi dalam Menangani Permasalahan Sosial. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2): 269-278.
- Syah Rizal, Hamdi Ishak & Najah Nadiyah Amran. 2017. *Hubungan Antara Amalan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017.
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. 2019. Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial*, 4 (1): 93-101.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology and Counselling*, 1: 115-140.